

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN *CENTRAL FOREST SPINE* JPSM BIL. 2/2025 DAN LAWATAN KERJA PELAKSANAAN INISIATIF PIRECFS 2022

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

GERIK, 11-12 NOVEMBER 2025

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). KSAS merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Central Forest Spine di Semenanjung Malaysia merentasi lapan (8) buah negeri dan melibatkan lima puluh lapan (58) daerah. Dengan mengambil kira kepentingan kawasan CFS yang mempunyai sumber asli bernilai tinggi dan menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna serta menjadi punca sumber air mentah dan oksigen, maka Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* perlu diwujudkan agar dapat menghubungkan kompleks hutan yang terpisah dan hidupan liar dapat bergerak tanpa sebarang gangguan dan ancaman. Bagi memastikan Rangkaian kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dan Biodiversiti Negara terpelihara dan berdaya laksana, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-40 pada 20 Julai 2022 telah meluluskan secara dasar Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 bagi menggantikan PIRECFS 2010. PIRECFS 2022 ini mengandungi 5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040. Pelan induk ini melibatkan 39 rangkaian ekologi CFS di mana 20 daripadanya merupakan rangkaian utama atau *primer linkage* manakala selebihnya iaitu sebanyak sembilan belas (19) rangkaian merupakan rangkaian sekunder atau *secondary linkage*.

Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54, 617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai PIRECFS 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. Bagi memastikan visi dan objektif pelan induk ini tercapai, maka Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa melaksanakan pemantauan pelaksanaan inisiatif dalam PIRECFS 2022 menerusi pelbagai platform dan jawatankuasa khas. Antara jawatankuasa yang memantau pelaksanaan PIRECFS 2022 adalah Mesyuarat Pengurusan *Central Forest Spine (CFS)* Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Mesyuarat Pengurusan CFS JPSM Bilangan 2 Tahun 2025 telah memilih Negeri Perak sebagai tempat mesyuarat dan lawatan kerja bagi perkongsian pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 yang telah dilaksanakan di rangkaian ekologi CFS A PL1 Hutan Simpan Temengor – Hutan Simpan Amanjaya – Hutan Simpan Belum khususnya melibatkan Hutan Simpan Amanjaya. Mesyuarat Pengurusan CFS JPSM Bilangan 2 Tahun 2025 telah diadakan pada 11 November 2025 bertempat di Dewan Persidangan, Majlis Daerah Gerik manakala lawatan kerja diadakan pada 12 November 2025 di Hutan Simpan Amanjaya. Antara aktiviti yang turut dilaksanakan semasa lawatan kerja tersebut adalah lawatan pemasangan *billboard* CFS dan papan tanda amaran berkaitan hidupan liar di jalan Timur-Barat yang berkaitan **Tindakan 2.4b dan Inisiatif 1i: Memasang papan tanda hidupan liar dan/atau papan tanda yang menunjukkan kawasan tersebut ialah 'wildlife crossing zone' untuk memberi peringatan kepada pemandu agar memperlahankan kenderaan dan Tindakan 4.3a dan Inisiatif 4: Memasang papan tanda dan billboard di lokasi-lokasi strategik dalam kawasan CFS bukan sahaja sebagai penanda kawasan malahan boleh berperanan untuk meningkatkan kesedaran melalui mesej-mesej nasihat / amaran / peringatan.** Selain itu, aktiviti penanaman pokok turut dilaksanakan bersama ahli mesyuarat dalam memenuhi Tindakan 2.2a dan *Inisiatif 1: Memulihkan kawasan-kawasan lapang supaya menjadi berhutan semula dengan spesies berpasaran dan berkualiti supaya menjadi sumber hutan yang dapat memberikan pulangan yang optimum* dan pameran CFS di bawah **Tindakan 4.3b dan Inisiatif 1: Inisiatif 1: Memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat melalui pelaksanaan program**

Conservation, Education, Participation and Awareness (CEPA). Ahli mesyuarat juga turut diberi pendedahan berkaitan penglibatan badan bukan Kerajaan dalam pelaksanaan PIRECFS 2022, pelaksanaan lintasan hidupan liar atau *viaduct* yang telah siap dibina pada 22 April 2015 dan menara pandang pada 9 Disember 2016, pewujudan dan penyelenggaraan jenut tiruan, pemantauan kehadiran hidupan liar melalui kesan tapak kaki, najis dan cakaran pada batang pokok, pemasangan perangkap kamera, pemasangan pagar elektrik dan penanaman semula dengan anak pokok tempatan. Oleh demikian, Jabatan Perhutanan Negeri Perak sangat komited dalam melaksanakan PIRECFS 2022 dan berusaha ke arah menjadi peneraju terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara lestari.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3

Gambar 1, 2&3: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan *Central Forest Spine* JPSM BIL. 2/2025 pada 11 November 2025 Di Dewan Persidangan Majlis Daerah Gerik



Gambar 4: lawatan pemasangan billboard CFS di Hutan Simpan Amanjaya



Gambar 5: Aktiviti penanaman pokok di Hutan Simpan Amanjaya



Gambar 6: Lawatan ke laluan hidupan liar (Viaduct) di Hutan Simpan Amanjaya



Gambar 7: Penerangan berkaitan tanda kehadiran hidupan liar melalui kesan cakaran



Gambar 8



Gambar 9

Gambar 8&9: Pameran dan taklimat ringkas pelaksanaan PIRECFS 2022 di Negeri Perak khususnya di rangkaian ekologi CFS A PL1 Hutan Simpan Temengor – Hutan Simpan Amanjaya – Hutan Simpan Belum.